

Headline	Penulisan Tok Din menjadi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	34	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	805 cm ²
Journalist	FOUZIAH AMIR	AdValue	RM 12,244
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,732



FOUZIAH AMIR fouziah@sinarharian.com.my

Jangan putus asa, inilah prinsip dipegang Khairuddin Kamaruddin atau lebih mesra dengan panggilan Tok Din, 58, yang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Penyelidik Tertiinggi Taman Botani Kepong di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (Frim).

Tugas Tok Din seharian bergelumang dengan pelbagai penyelidikan di lapangan mahupun di pejabat, namun beliau mampu menghasilkan beberapa bahan bacaan ilmiah yang cemerlang.

Anak kelahiran Selama, Perak ini berjaya melakarkan namanya sebagai penerima Anugerah Buku Terbaik MAPIM-KPM 2013 dalam Bidang Sains, Teknologi dan Perubatan (STP) dengan buku berjudul *Hutan Hujan Tropika Semenanjung Malaysia* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 19 Mei lalu.

Mengimbang penglibatan awal Tok Din dalam bidang kerjayanya, beliau bermula sebagai pembantu penyelidik di Unit Kejuruteraan Kayu, Frim pada 16 Mac 1979. Pada 1981, Tok Din bertukar di Herbarium, Unit Botani Frim atas minatnya yang membuat kerja di lapangan.

"Tugas saya tertumpu dalam bidang kajian botanikal sehingga ke kemuncak Gunung Kinabalu, Sabah (1987), Gunung Tahan, Pahang (1990) dan di kebanyakan hutan simpan negara," katanya.

Pada 1991, Tok Din dipilih untuk mengikuti Kursus International Diploma In Herbarium Techniques di Royal Botanical Gardens, Kew, United Kingdom (UK). Sekembalinya dari UK, Tok Din berjaya menghasilkan dua buku iaitu *Teknik-teknik Herbarium* (Frim Report No.52) dan *Hutan Hujan Tropika*.



Penulisan Tok Din 'menjadi'

MANFAATKAN ILMU DAN PENGALAMAN BEKERJA SELAMA 35 TAHUN DI FRIM

Semenanjung Malaysia (Siri Alam Dan Rimba No.3), 1993.

Pada 1994, Tok Din bertukar ke Unit Landskap & Perhutanan Bandar, di bawah Bahagian Hutan Ladang, dan dinaikkan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik pada 1 Oktober 1995. Di unit tersebut, beliau menubuhkan Bambusetum (taman rekreasi pokok buluh) pertama untuk Frim. Kertas kerja bertajuk *Bambusetum Establishment In Frim* oleh Tok Din dan rakannya, Abd Razak Othman turut dimuatkan dalam *Malaysian Forester* 1996.

KETAGIH MENULIS

Bapa kepada tiga anak ini mendapat inspirasi menulis daripada bekas Ketua Pengarah Frim, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor bagi menghasilkan buku bertajuk *Hutan Hujan Tropika* (November 1997).

"Pesanan Dr Salleh, selalu menjaga dan menyimpan dokumentasi mengenai pokok dan sejarah kejadian dengan baik untuk masa hadapan."

Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abdul

INFO (i)

Anugerah dimenangi Tok Din:

- Anugerah Penerbitan Terbaik 1993 (Kategori Teknikal)
- Anugerah Khidmat Cemerlang Frim (2001 dan 2011)
- Anugerah Khidmat Setia 2005 Frim
- Anugerah Pingat Pekerji Terpilih (PPT) - Kerajaan Negeri Perak 2008
- Tokoh pilihan Ketua Pengarah 7.
- Anugerah Buku Terbaik - Sains, Teknologi dan Perubatan (STP) 2014
- Anugerah Ketua Pengarah 2014 (Kategori penulisan)

Latif Mohmod ketika itu sebagai pegawai penyelidik muda juga sanggup membantu saya untuk menyunting manuskrip saya sebelum diterbitkan," ujar beliau yang turut bapa kepada tiga anak ini.

Beliau akui pengalaman bekerja dengan beberapa saintis Frim terkenal seperti Dr Salleh, Dr Francis Ng, Dr Tho Yow Pong, dan KM Kochummen, secara langsung membentuk keperibadiannya di dalam penyelidikan dan pembangunan dalam disiplin botani dan perhutanan.

Bagi Tok Din, jika tidak menulis sehari, ia seperti ada kekurangan. Sebagai warga Frim, beliau berasa perlu dedahkan bahan ilmiah kepada masyarakat untuk mendidik dalam pemuliharaan alam sekitar.

"Usaha ini juga diharapkan dapat menggalakkan lebih ramai penyelidik untuk menulis," katanya yang lebih selesa menulis pada waktu malam.

Tok Din menyatakan kebanyakannya kajian saintifik berkaitan perhutanan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu penguasaan bahasa Inggeris amat penting. Di Frim terdapat banyak buku penyelidikan biologi hutan sejak 1929.

"Sayangnya, masih ada setiap kali ada penemuan di hutan dikaitkan dengan ciptaan Tuhan. Lagi mendalamnya saya mengkaji, didapati ia lagi halus (*al-latif*) dan unik. Tak akan pernah habis untuk dikaji."

"Hasil-hasil karya tulisan saya adalah kurniaan ALLAH Maha Pencipta. Saya sentiasa berdoa agar apa jua yang saya kerjakan diberi hidayah ALLAH SWT," kata Tok Din semakin dilanda rasa sebak apabila bersara pilihan pada 1 Julai 2015.

Antara buku lain Tok Din ialah *Forest-forest Everywhere* (1997); *Tumbuhan Tempatan Malaysia: Kaitannya Dengan Nama-Nama Tempat* (1999); *Mengenal Pokok Tempatan*, DBP (2005); *Buluh: Khazanah Hutan Berharga*, DBP (2009); *Frim Reports: The Bamboo Garden at Kepong Botanical Garden* (2012); *Hutan Hujan Tropika Semenanjung Malaysia* (versi baru) 2013; dan *Tumbuhan Berkhasiat Utusan: Penanaman Pemprosesan produk*, DBP (2014).

